



Good food, Good life

## **NESTLÉ OMEGA PLUS WALK A MILLION MILES 2024**

### **TERMA DAN SYARAT**

#### **Jadual bagi Syarat Penyertaan**

<b>1. Pengajur:</b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966] (“Pihak Pengajur”).
<b>2. Kempen:</b>	NESTLÉ OMEGA PLUS WALK A MILLION MILES 2024. (“Kempen”).
<b>3. Tempoh Pendaftaran:</b>	Pendaftaran bermula jam 00:00:00 pada 01/07/2024 dan akan ditutup jam 23:59:59 pada 30/09/2024.
<b>4. Tempoh Kempen:</b>	Kempen ini bermula jam 00:00:00 pada 01/09/2024 dan akan ditutup jam 23:59:59 pada 30/09/2024.
<b>5. Kelayakan:</b>	Kempen ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Kempen. Pengajur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri peserta.
<b>6. Kaedah Penyertaan:</b>	<p><b>Berikut adalah langkah-langkah untuk menyertai Kempen:</b></p> <p><b>Langkah 1 – Muat turun Aplikasi BookDoc &amp; daftar (Pendaftaran Aplikasi BookDoc):</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Peserta mesti memuat turun Aplikasi BookDoc terlebih dahulu dan mendaftar untuk akaun BookDoc sama ada melalui emel atau akaun media sosial i.e: Facebook dan lengkapkan data wajib di bawah untuk mendaftar:<ol style="list-style-type: none"><li>i. Nama Penuh</li><li>ii. Nama Terakhir</li><li>iii. E-mel</li><li>iv. Nombor Telefon Bimbit</li><li>v. Alamat</li><li>vi. Poskod</li><li>vii. Bandar</li><li>viii. Negeri</li><li>ix. Tarikh Lahir (HH-BB-TTTT)</li><li>x. Jantina</li></ol></li></ul> <p><b>NOTA PENTING:</b> Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini secara khusus, Peserta memerlukan peranti yang sesuai atau aplikasi mudah alih yang dapat menjelaki langkah mereka. Peserta mesti memastikan akaun BookDoc mereka diselaraskan dengan peranti atau aplikasi mudah alih yang sesuai selepas pendaftaran berjaya dilakukan. Peserta digalakkan untuk memeriksa kesesuaian peranti mereka sebelum mendaftar untuk akaun BookDoc. Peserta boleh merujuk kepada FAQ BookDoc [<a href="https://www.bookdoc.com/faqs/">https://www.bookdoc.com/faqs/</a>] untuk maklumat mengenai peranti</p>

	<p>yang sesuai atau aplikasi mudah alih yang dapat menjelaki langkah mereka.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta perlu bersetuju dengan Syarat Penggunaan BookDoc [<a href="https://www.bookdoc.com/terms/">https://www.bookdoc.com/terms/</a>] dan Notis Privasi [<a href="https://www.bookdoc.com/privacy/">https://www.bookdoc.com/privacy/</a>] untuk mendaftar akaun BookDoc.</li> <li>• Pengajur tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya Peserta tidak berjaya mendaftar untuk akaun BookDoc atau selepas pendaftaran, peranti atau aplikasi mudah alih mereka tidak dapat diselaraskan atau dianggap tidak sesuai dengan aplikasi BookDoc. Sila hubungi khidmat pelanggan Aplikasi BookDoc untuk bantuan lebih lanjut mengenai perkara ini: <a href="mailto:care@bookdoc.com">care@bookdoc.com</a> atau hubungi 1300 882 362 (Isnin-Jumaat: Pukul 9 pagi – Pukul 6 petang, Sabtu-Ahad: Whatsapp +6012-644 2362 atau E-mel sahaja.</li> <li>• Peserta berhak meminta akses dan meminta pembetulan data peribadi mereka serta menghubungi Aplikasi BookDoc untuk sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan data peribadi mereka (termasuk pilihan yang sedia ada serta cara untuk membatasi pemprosesan data peribadi mereka) yang dikumpulkan semasa pendaftaran akaun BookDoc di bawah Langkah 1 melalui Aplikasi BookDoc seperti yang berikut:</li> </ul> <p>Pegawai Perlindungan Data Peribadi  Alamat E-mel: <a href="mailto:pdpa@bookdoc.com">pdpa@bookdoc.com</a>  No. Telefon: 1300-88-2362</p> <p><b>Langkah 2 – Mencari Kempen, Daftar dan Memasukkan Kod Rujukan (sekiranya ada) (Pendaftaran Kempen)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta boleh mencari Kempen “NESTLÉ OMEGA PLUS Walk A Million Miles” di Activ, pada halaman “Challenges” atau klik pada ikon Walk A Million Miles yang terdapat di halaman utama Aplikasi BookDoc, dan kemudian klik “Join Now.”</li> <li>• Peserta boleh memasukkan nombor E-Bib rakan mereka sebagai kod rujukan untuk membantu rakan mereka memperoleh NESTLÉ OMEGA PLUS Friendly Heart Hero E- Badge. Langkah ini adalah tidak diwajibkan, Peserta boleh klik "Skip" jika mereka tidak mempunyai nombor E-Bib untuk dimasukkan.</li> </ul> <p><b>Langkah 3 – Pemilihan Kategori Penyertaan</b></p> <p><b>Terdapat dua kategori: (a) Penyertaan Percuma dan (b) Penyertaan Berbayar</b></p> <p><b>a) Penyertaan Percuma</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta boleh memilih pendaftaran Penyertaan Percuma semasa Pendaftaran Acara.</li> <li>• Untuk Kelayakan Penyertaan, sila rujuk Perenggan 7, "Kelayakan Kategori Penyertaan" dalam <b>Terma &amp; Syarat</b> ini.</li> </ul>
--	---

Peserta boleh memilih untuk menaik taraf Penyertaan Percuma ke Penyertaan Berbayar pada bila-bila masa pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 30/09/2024 tertakluk kepada bayaran tambahan. Sila rujuk Perenggan (b) di bawah. Terdapat butang "Upgrade to Paid Entry" di halaman acara Walk A Million Miles di dalam Aplikasi BookDoc.

**b) Penyertaan Berbayar, dengan bayaran RM30**

- Peserta boleh memilih untuk pendaftaran Penyertaan Berbayar semasa Pendaftaran Kempen.
- Yuran Penyertaan Berbayar sebanyak RM30 termasuk:

RM26.60 untuk penyertaan Kempen [**"Yuran Penyertaan"**],  
RM1.00 untuk bayaran pemprosesan gerbang pembayaran  
dan RM2.40 untuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan [**"Yuran Cukai"**].

- Semua pembayaran yang dibuat oleh Peserta dikumpul dan diproses oleh Aplikasi BookDoc dan tertakluk kepada terma dan syaratnya.
- Semua pembayaran tidak akan dikembalikan dan tidak boleh dipindah milik.
- Untuk Kelayakan Peserta, sila rujuk Perenggan 7, **"Kelayakan Kategori Penyertaan"** dalam **Terma & Syarat** ini.
- Peserta yang menaik taraf daripada Penyertaan Percuma kepada Penyertaan Berbayar akan memperoleh Kelayakan Penyertaan Berbayar sahaja.

**Langkah 4 – Daftar untuk Penyertaan** Peserta diwajibkan membaca Terma & Syarat Kempen, pemaparan mekanik dan melengkapkan data wajib untuk pendaftaran (bergantung pada jenis Kategori Penyertaan):

- i. Nombor Kad Pengenalan / Pasport
  - ii. Nama Penuh
  - iii. Jantina
  - iv. Nombor Telefon Bimbit
  - v. Alamat
  - vi. Bandar
  - vii. Negeri
  - viii. Postal Kod
- Bagi Peserta Penyertaan Berbayar, anda perlu memilih saiz jersi semasa pendaftaran.

**Langkah 5 – Perakuan Terma & Syarat dan Notis Privasi Kempen, Terma & Syarat serta Dasar Privasi Aplikasi BookDoc:**

- Terma & Syarat dan Notis Privasi Kempen dan Terma & Syarat serta

Dasar Privasi BookDoc akan dipaparkan semasa pendaftaran Kempen di Halaman Pengesahan. Peserta diwajibkan membaca, mengakui dan menerima Terma & Syarat dan Notis Privasi Kempen dengan menandakan kotak yang berkaitan.

**NOTA:** Sila ambil perhatian bahawa Terma & Syarat Cabaran Maya BookDoc (Penyertaan Berbayar) pada Aplikasi BookDoc adalah **TIDAK BERKENAAN** dengan Kempen ini. Untuk tujuan Kempen ini, Terma & Syarat Aplikasi BookDoc yang dipautkan di Perenggan 6 sahaja yang berkenaan. Pilihan untuk menyertai Dear Nestlé dan persetujuan untuk menerima matlumat mengenai produk, sampel, acara dan promosi Nestlé adalah **tidak diwajibkan** bagi kelayakan dan pendaftaran Peserta.

**Langkah 6 – Mulakan Rekod Kiraan Langkah semasa Tempoh Kempen:**

- Peserta boleh mula berjalan semasa tempoh Kempen dengan menggunakan Aplikasi BookDoc untuk merekodkan kiraan langkah mereka menerusi aplikasi penjejakan kecergasan atau peranti yang diselaraskan dengan Aplikasi BookDoc dan berpeluang memenangi Hadiah.
- Peserta mesti memuat semula data langkah mereka di halaman Activ dalam Aplikasi BookDoc setiap hari bagi memastikan kemajuan cabaran dikemaskinikan.
- Matlamat Kempen adalah untuk mencapai keseluruhan jumlah 1 Juta Batu daripada semua Peserta sepanjang Tempoh Kempen.
- Setelah mencapai matlamat 1 Juta Batu, Penganjur akan menyumbangkan sejumlah RM100,000 kepada rakan kolaborasi bersama NESTLÉ OMEGA PLUS, iaitu Yayasan Jantung Malaysia [YJM] dan Yayasan Institut Jantung Negara [IJNF].
- Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa notis terlebih dahulu, dan tanpa bertanggungjawab kepada mana-mana pihak, pada bila-bila masa dalam perubahan matlamat Kempen.

**Aktiviti Luaran Pilihan semasa Tempoh Kempen:**

- Peserta dijemput menyertai aktiviti-aktiviti berikut sebagai sebahagian daripada aktiviti penglibatan luaran semasa Tempoh Kempen:

i. **Acara Pelancaran Awam**

Peserta dan orang awam yang berumur 18 tahun ke atas dialu-alukan untuk menyertai acara pelancaran pada 01/09/2024 bagi merasmikan NESTLÉ OMEGA PLUS Walk A Million Miles 2024 ("Acara Awam"). Lokasi Acara Awam akan diumumkan di Aplikasi BookDoc dan halaman Facebook rasmi NESTLÉ OMEGA PLUS. Peserta yang membuat RSVP menerusi aplikasi BookDoc untuk Acara Awam akan menerima kod QR

	<p>individu yang unik. Kod QR ini akan digunakan untuk penebusan kelayakan, sekiranya layak (mengikut perenggan 7 di bawah). Peserta mesti hadir secara fizikal pada hari Acara Awam untuk mengimbas kod QR individu dan tebus kelayakan mereka, jika layak. Penebusan mesti dilakukan secara persendirian oleh Peserta dan bukan bukan bagi pihak atau melalui wakil.</p> <p>Untuk orang awam yang bukan Peserta tetapi ingin menyertai Acara Awam, mereka perlu mendaftar untuk Kempen dan membuat RSVP secara terus melalui Aplikasi BookDoc untuk mendapatkan penebusan kelayakan, jika layak.</p> <p>Untuk maklumat lanjut mengenai kategori kelayakan sila rujuk Perenggan 7 dibawah.</p> <p>Peserta boleh membawa kanak-kanak untuk mengambil bahagian (bukan sebagai 'Peserta') yang mana mestilah ibubapa atau penjaga sah kanak-kanak tersebut serta bertanggungjawab atas tingkah laku kanak-kanak tersebut sepanjang masa.</p> <p>Peserta mestilah sihat dari segi fizikal, telah cukup bersedia untuk menyertai Acara Awam ini, dan tidak dinasihatkan untuk elak diri daripada menyertai sebarang aktiviti fizikal oleh profesional perubatan yang berkelayakan. Peserta mestilah tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan, keadaan fizikal, kecacatan atau masalah, yang boleh meningkatkan risiko yang berkaitan dengan aktiviti Acara Awam ini dan akan menghalang penyertaan mereka dalam Acara Awam ini. Sungguhpun Pengajur berusaha mengambil langkah keselamatan yang munasabah bagi memastikan keselamatan Peserta dan anak-anak mereka, Peserta mengambil bahagian atas risiko sendiri.</p> <p>Pengajur tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada mana-mana Peserta berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berbangkit, atau kecederaan peribadi yang dialami atau yang timbul oleh Peserta yang diakibatkan atau berkaitan dengan penyertaan Peserta dalam Acara Awam, serta penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang tebus.</p> <p><b>NOTA:</b> Aktiviti-aktiviti &amp; gerai-gerai pada masa Acara Awam tidak memerlukan pendaftaran berasingan untuk Kempen.</p> <p>ii. <b><u>Cabaran Kumpulan</u></b>      Peserta boleh mencipta kumpulan dalam Aplikasi BookDoc dan menjemput peserta lain untuk menyertai dengan menggunakan nombor E-Bib mereka. Satu kumpulan boleh menerima maksimum 30 ahli dan peserta boleh menyertai sehingga 10 kumpulan. Setiap ahli kumpulan dapat melihat jumlah langkah mereka melalui Leaderboard. Tujuan Cabaran Kumpulan adalah untuk memberi peluang interaksi sosial sepanjang Kempen dan tiada ganjaran atau hadiah tambahan akan disediakan.</p>
--	--

	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>NOTA:</b> Sila ambil perhatian bahawa pilihan untuk menyertai Acara Pelancaran Awam dan Cabaran Kumpulan adalah <b>tidak diwajibkan</b> bagi para Peserta.</li> </ul>
<b>7. Kelayakan Kategori Penyertaan</b>	<p><b>Selepas Pendaftaran (Penyertaan Berbayar &amp; Naik Taraf daripada Penyertaan Percuma ke Penyertaan Berbayar):</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>2,000 penyertaan terawal Penyertaan Berbayar yang telah membuat RSVP untuk Acara Awam akan mendapat kelayakan ekslusif: <ul style="list-style-type: none"> <li>Barangan Ekslusif NESTLÉ (Produk NESTLÉ bernilai RM 50)</li> <li>1 x Pingat Fizikal Ekslusif Penamat (setelah tamat berjalan pada hari Acara Awam)</li> </ul> </li> <li>Layak untuk menyertai Hadiah Pencapaian Mingguan 25 Teratas. Rujuk Perenggan 9 untuk maklumat lanjut.</li> </ol> <p><b>Selepas Pendaftaran (Penyertaan Percuma &amp; Penyertaan Berbayar):</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3000 Peserta Pertama (Penyertaan Percuma dan Penyertaan Berbayar) yang membuat RSVP untuk Acara Awam layak mendapat dua [2] NESTLÉ OMEGA PLUS UHT 200ML sahaja, tertakluk kepada perubahan Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya.</li> </ol> <p><b>Selepas melengkapkan tugas (Penyertaan Percuma, Penyertaan Berbayar &amp; Naik Taraf daripada Penyertaan Percuma kepada Penyertaan Berbayar), Peserta boleh memperoleh E-badges seperti berikut melalui Aplikasi BookDoc:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>1 x NESTLÉ OMEGA PLUS Friendly Heart Hero E-badge:</b> Peserta boleh berkongsi nombor E-Bib mereka sebagai Kod Rujukan dengan rakan mereka. Sekiranya rakan mereka menggunakan nombor E-Bib yang dikongsi semasa pendaftaran, Peserta akan memperoleh NESTLÉ OMEGA PLUS Friendly Heart Hero E-Badge</li> <li><b>1 x NESTLÉ OMEGA PLUS Smart Heart Hero E-badge</b> Peserta boleh mengambil bahagian dalam kuiz pendek dan mengetahui lebih banyak tentang kesihatan jantung untuk memperoleh NESTLÉ OMEGA PLUS Smart Heart Hero E-Badge yang eksklusif.</li> </ul> <p>Peserta boleh mendapatkan E-Medal dan E-Badge di Aplikasi BookDoc menerusi Challenge -&gt; Achievement.</p> <p><b>Setelah mencapai sekurang-kurangnya 150,000 langkah (Penyertaan Berbayar &amp; Naik Taraf daripada Penyertaan Percuma kepada Penyertaan Berbayar):</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1 x NESTLÉ OMEGA PLUS Jersi Edisi Terhad</li> <li>1 x NESTLÉ OMEGA PLUS Silver Super Heart Champion E-Medal</li> </ul> <p><b>Setelah mencapai sekurang-kurangnya 300,000 langkah (Penyertaan</b></p>

	<p><b>Berbayar &amp; Naik Taraf daripada Penyertaan Percuma kepada Penyertaan Berbayar):</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak untuk mengambil bahagian untuk Hadiah Cabutan Bertuah Penamat*</li> <li>• 1 x NESTLÉ OMEGA PLUS 300k Gold Super Heart Champion E-Medal</li> </ul> <p>* Rujuk Perenggan 10 untuk maklumat lanjut.</p>
<b>8. Tarikh Akhir Penyertaan:</b>	<p>Penyertaan pendaftaran untuk Kempen mesti diterima oleh Pengajur sebelum tamat Tempoh Pendaftaran pada jam 23:59:59 pada 30/09/2024. Semua penyertaan pendaftaran yang diterima di luar Tempoh Pendaftaran akan terbatal secara automatik.</p> <p>Peserta boleh memilih untuk menaik taraf Penyertaan Percuma mereka kepada Penyertaan Berbayar pada bila-bila masa sebelum 23:59:59 pada 30/09/2024. Sila rujuk Perenggan 6, <b>“Kaedah Penyertaan: Langkah 3 – Pemilihan Kategori Penyertaan dan Yuran Penyertaan Kempen”</b> dalam Terma dan Syarat ini untuk maklumat lanjut.</p>
<b>9. Hadiah Pencapaian Mingguan (untuk Penyertaan Berbayar &amp; Naik taraf daripada Penyertaan Percuma kepada Penyertaan Berbayar Sahaja)</b>	<p>Kempen ini dibahagikan kepada empat [4] tempoh mingguan seperti berikut:</p> <p>Minggu 1: 00:00:00, 01/09 – 23:59:59, 07/09/2024  Minggu 2: 00:00:00, 08/09 – 23:59:59, 14/09/2024  Minggu 3: 00:00:00, 15/09 – 23:59:59, 21/09/2024  Minggu 4: 00:00:00, 22/09 – 23:59:59, 30/09/2024</p> <p>i. Setiap minggu sepanjang Tempoh Kempen, Aplikasi BookDoc akan mengirakan jumlah langkah yang dicapai oleh setiap Peserta. Kiraan langkah untuk 1 Batu = 1.6 KM = 2,400 langkah.</p> <p>ii. Dua puluh lima [25] Peserta dengan jumlah langkah tertinggi setiap minggu akan memenangi wang tunai bernilai RM150.00</p> <p>Terdapat seratus [100] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Kempen. Hadiah tersebut adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.</p> <p>iii. Setiap Peserta Penyertaan Berbayar hanya layak memenangi Hadiah Mingguan sebanyak sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.</p>
<b>10. Cabutan Hadiah Bertuah Penamat (eksklusif untuk peserta Penyertaan Berbayar &amp; Naik taraf daripada Penyertaan Percuma ke Penyertaan Berbayar sahaja)</b>	<p><b>Cabutan Bertuah: Cara Penyertaan / Mekanik Penyertaan Berbayar</b></p> <p>Peserta yang pada asalnya didaftarkan sebagai Penyertaan Berbayar atau yang menaik taraf daripada Penyertaan Percuma kepada Penyertaan Berbayar dan mencapai sekurang-kurangnya 300,000 langkah akan layak secara automatik untuk cabutan bertuah pada penghujung Tempoh Kempen.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap Peserta yang layak boleh memenangi satu Hadiah Cabutan Bertuah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.</li> </ul> <p><b>Peruntukan Hadiah</b>  <b>300,000 langkah penamat untuk kategori berbayar:</b></p>

- **Hadiah Utama:** Apple iPhone 15 Plus (256GB, Warna – Hitam) x 5 Pemenang
- **Hadiah Saguhati:** Amazfit Bip 5 Unity bernilai RM300.00 x 30 Pemenang

**Penyenaraian pendek Pemenang Hadiah Utama – 5 x Apple iPhone 15 Plus (256GB, Warna – Hitam)**

1. Dalam proses pemilihan pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri bagi setiap Penyertaan yang Layak, selepas Kempen tamat [setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor siri "1".
2. Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan digabungkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"].
3. Andai kata, Jumlah Penyertaan Layak ialah 6000, Penganjur akan mengira dan memilih finalis ["Finalis"] untuk memenangi hadiah berdasarkan butiran yang berikut:
  - i. **Pemilihan lima [5] Finalis Hadiah Utama:**  $6000 \div 5 = 1200$ .

Pemenang Hadiah Utama untuk kategori Penyertaan Berbayar 300,000 langkah penamat adalah pemenang nombor bersiri ke-1200, ke-2400, ke-3600, ke-4800 dan ke-6000.

**Penyenaraian pendek Pemenang Saguhati – 30 x Amazfit Bip 5 Unity**

1. Setiap Penyertaan Layak akan dikumpul untuk cabutan Saguhati. Penganjur kemudiannya akan memperuntukkan nombor siri baharu untuk baki Penyertaan Layak. Andai kata, Jumlah Penyertaan Layak ialah 6000, Penganjur akan mengira dan memilih finalis ["Finalis"] untuk memenangi hadiah berdasarkan yang berikut:
    - i. **Pemilihan tiga puluh [30] Finalis Hadiah Saguhati:**  $6000 \div 30 = 200$
- 30 Peserta berikutnya yang memperolehi nombor siri berikut akan dipilih: ke-200, ke-400, ke-600, ke-800, ke-1000, ke-1200, ke-1400, ke-1600, ke-1800, ke-2000, ke-2200, ke-2400, ke-2600, ke-2800, ke-3000, ke-3200, ke-3400, ke-3600, ke-3800, ke-4000, ke-4200, ke-4400, ke-4600, ke-4800, ke-5000, ke-5200, ke-5400, ke-5600, ke-5800, ke-6000

**11. Syarat Tambahan:**

- a. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pengatur dan/atau penyediaan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan bersama Hadiah, jika ada.
- b. Semua pengumuman pemenang akan dibuat di halaman Facebook rasmi

	<p>NESTLÉ OMEGA PLUS. Pengumuman pemenang Pencapai Tertinggi Mingguan akan dibuat seminggu selepas setiap tempoh mingguan manakala pengumuman pemenang lain akan dibuat dua minggu selepas tamat Tempoh Kempen.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>c. Semua hadiah termasuk hadiah pencapaian mingguan dan kelayakan akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh enam – lapan minggu selepas tamat Tempoh Kempen ke alamat yang diberikan oleh pemenang. Pengajur berhak untuk memanjangkan garis masa yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Pengajur.</li> <li>d. Hadiah Wang Tunai: Pengajur akan memaklumkan pemenang mengenai butiran dan dokumen yang diperlukan untuk pembayaran semua Hadiah, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) akaun bank Malaysia atas nama pemenang untuk kiriman pembayaran; dan</li> <li>b) sebarang dokumen yang perlu dilengkapkan, dengan dokumen sokongan yang diperlukan.</li> </ul> <p>Keengganan atau kegagalan untuk menyediakan dokumen yang diperlukan boleh menyebabkan kehilangan kelayakan, dan pemenang gantian akan dipilih.</p> </li> <li>e. Semua hadiah yang tidak dituntut/tidak dihantar selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Pengajur akan dibatalkan.</li> <li>f. Pengajur mengekalkan hak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Semua Hadiah disediakan atas dasar "seadanya" dan tidak boleh ditukar dengan kredit, barang lain atau baucar sebahagian atau sepenuhnya. Untuk sebarang kecacatan pembuatan berkaitan dengan hadiah, sila hubungi agensi acara:</li> </ul> <p>Strongnote Sdn Bhd 03-7955 3888</p> <p>Pengajur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa notis awal, dan tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana orang, pada bila-bila masa untuk membatalkan kelayakan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peserta secara keseluruhan atau sebahagian sekiranya berlaku sebarang pelanggaran terhadap Terma dan Syarat Kempen.</p>
--	--

Jadual untuk Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang terdapat di <http://www.dearnestle.com.my> iaitu "Terma dan Syarat" dan akan mengikat semua peserta yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai "Para Peserta", "Peserta", "Anda", "anda").

Dengan menyertai Kempen ini, anda telah membaca dan bersetuju menerima **Terma dan Syarat** serta pemprosesan Data Peribadi anda dalam **Notis Privasi**.

No. Perkhidmatan Pengguna: 1800 88 3433

---

## **Syarat Penyertaan**

### **1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini hendaklah dibaca bersama dengan Jadual bagi Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Syarat Penyertaan dan Jadual bagi Syarat Penyertaan diguna pakai. Syarat Penyertaan dan Jadual bagi Syarat Penyertaan secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar yang tidak dinyatakan selainnya di sini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual bagi Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan akan digunakan dalam bentuk tunggal atau jamak mengikut keadaan.
  
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa notis awal, dan tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana orang, pada bila-bila masa untuk menukar Terma dan Syarat termasuk menukar Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dalam keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Kempen menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (seperti yang diubah).
  
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen termasuk penghakiman dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif ke atas semua Peserta, dan surat-menjurat atau rayuan tidak akan dilayani.

### **2. Penyertaan Kempen**

- 2.1 Dengan menghantar penyertaan ke Kempen, Peserta dianggap telah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat.
  
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Kempen ini, termasuk tanpa had, telekomunikasi, rangkaian, Perkhidmatan Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain dan perbelanjaan luar poket yang mungkin ditanggung oleh Peserta semasa atau berkaitan dengan Kempen hendaklah ditanggung oleh Peserta.
  
- 2.4 Bukti penyerahan penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan, kehilangan, kerosakan dan/atau penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang ralat, peninggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, akses tanpa kebenaran kepada, atau pengubahan, komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau kerosakan teknikal rangkaian atau talian telekomunikasi kami, sistem dalam talian komputer, pelayar atau pembekal, peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel atau pemain disebabkan masalah teknikal atau trafik internet yang tinggi.

### **3. Kelayakan A**

3.1 Penganjur mungkin memerlukan Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen termasuk tanpa had, dokumen pengenalan diri, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

### **4. Kelayakan B**

Kumpulan berikut layak untuk menyertai Kempen:

- (a) Pekerja Penganjur dan kumpulan syarikatnya serta ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik beradik, dan pasangan mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Kempen dan keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik beradik dan pasangan mereka).

### **5. Perlucutan kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan dibatalkan:

- (a) pendaftaran yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkenaan; dan/atau
  - (b) pendaftaran yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak dapat dibaca atau tidak betul
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan pengendalian Kempen dengan penipuan, pemalsuan atau perdayaan; dan/atau
  - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen bagi tujuan pengesahan apabila diminta oleh Penganjur.

5.3 Sekiranya berlaku kehilangan kelayakan selepas Hadiah telah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau pembayaran nilai setara dengan Hadiah tersebut daripada Peserta yang hilang kelayakan.

5.4 Selain itu, Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan pengendalian Kempen dengan penipuan, pemalsuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen bagi tujuan pengesahan apabila diminta oleh Penganjur.

5.5 Sekiranya berlaku kehilangan kelayakan selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau pembayaran nilainya daripada Peserta yang hilang kelayakan.

### **6. Hadiah**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang

gagal menuntut Hadiah mengikut ketetapan Tuntutan/Tarikh Penghantaran Hadiah dalam apa jua keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

- 6.2 Penganjur berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan item yang setara nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diseraf hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam sebarang bentuk atau cara lain selain daripada yang ditentukan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual bagi Syarat Penyertaan berhubung dengan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti dituntut mengikut terma dan syarat Penganjur, penaja ejennya atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) Tiket ke Acara:

Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang mungkin menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) Hadiah Pelancongan/Percutian:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk pada ketersediaan semasa membuat tempahan. Hadiah perlu diambil mengikut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejen atau penajanya. Wang perbelanjaan tambahan, makan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi dan balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual bagi Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "keadaan sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur mengecualikan semua waranti dan liabiliti berkaitan dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 6.6 Hadiah mesti dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Jika Peserta berumur di bawah 18 tahun dan diisyiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang penuntutan Hadiah.

**7. Publisiti**

Penganjur berhak menggunakan penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama Peserta, dan/atau rupa, untuk pengiklanan, publisiti dan Kempen mana-mana barang atau perkhidmatan Penganjur, untuk masa yang tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan semua perkara yang diperlukan untuk melaksanakannya jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa semua hak harta intelek dalam mana-mana kandungan dan/atau bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Kempen dan apa-apa karya terbitan yang dihasil daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak dan kepunyaan Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai bahan atau karya berkenaan dalam apa jua cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya dalam bahan atau karya tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk menanggung rugi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitan sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, pekerja, ejen, penaja dan/atau wakil terhadap sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk ganti rugi khas, tidak langsung dan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan mana-mana Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaan berkaitan dengan Kempen atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Kempen adalah atas risiko Peserta sendiri
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, pekerja, ejen, penaja dan/atau wakil tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta berkenaan dengan sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian tidak langsung atau berbangkit, atau untuk kecederaan peribadi yang dialami atau yang timbul yang diakibatkan atau berkaitan dengan penyertaan oleh Peserta dalam Kempen, serta penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

## **11. Umum**

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berkenaan dengan Kempen dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa jua cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Kempen) berkaitan dengan Kempen ini, khususnya yang berkaitan dengan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau disokong atau ditaja oleh, pemilik yang berkaitan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik tersebut bukan sebahagian daripada kumpulan

**syarikat Penganjur**

- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau sub-kontrak mana-mana kewajipan di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan keseluruhan atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, tindakan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan penguatkuasaan mana-mana terma tidak akan menjasikan dan mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Kempen.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Kempen disediakan dalam bahasa Inggeris dan mana-mana bahasa lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Kempen hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.

**12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Kempen, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di [www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](http://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).

Dengan menyertai Kempen, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di [www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](http://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).